



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BERSEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN BULAN DISEMBER 2018**

**TARIKH : 19 DISEMBER 2018 (RABU)**

**MASA : 8.30 PAGI**

**TEMPAT : AUDITORIUM JPM**

**BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakaatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

Terima kasih kepada saudara dan saudari pengacara majlis serta **kumpulan koir dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang dipimpin oleh Puan Sti Fatimah Binti Daud, dan kepada Encik Mohd Azrun bin Abd Rahman yang telah memimpin bacaan doa sebentar tadi,**

**Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

**Yang Berbahagia Dato' Junaidah binti Kamarruddin,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

**Yang Berbahagia DCP Dato' Sanusi Bin Sidek,**  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

selaku penganjur perhimpunan pada hari ini,

dan

**Yang Berusaha Encik Jazannul Azriq bin Aripin,  
selaku penceramah jemputan pada hari ini.**

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan,  
Setiausaha-Setiausaha Bahagian, TuanTuan dan Puan-  
Puan sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya juga kita dapat berjumpa dan berkumpul lagi dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan Disember 2018 ini. **ia juga amat bermakna kepada kita semua kerana perhimpunan ini merupakan Perhimpunan Bulanan penutup untuk kita pada tahun 2018.**

**2. Sepanjang tahun 2018 banyak perkara yang telah kita lalui, disamping peristiwa besar iaitu perubahan kepimpinan Kerajaan, kita juga dikenalkan kepada pentadbiran yang berpaksikan kepada ‘*Rules of Law*’. Saya berharap pada tahun 2019 yang akan datang, kita akan mempertingkatkan iltizam untuk meneruskan perkhidmatan yang terbaik dan menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita semua sebagai Penjawat Awam terutamanya di Jabatan Perdana Menteri.**

**3. Sebagaimana yang telah diumumkan tadi, beberapa orang pegawai telah bertukar dari Jabatan/ Agensi Jabatan Perdana Menteri sepanjang bulan November 2018. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama bersama-sama berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan**

puan-puan terus berjaya dalam melaksanakan tanggungjawab baharu.

4. **Kepada pegawai yang baharu melapor diri ke Jabatan Perdana Menteri, saya amat mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan** dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurah khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernas bagi membantu Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti.
5. **Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Penjawat Awam Cemerlang Bulanan (APCB) Jabatan Perdana Menteri bagi Bulan November 2018** dan ucapan tahniah ini juga saya panjangkan kepada penerima-penerima surat kenaikan pangkat dan surat pemangkuan. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan dan juga menjadi contoh kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang lain untuk terus

berkhidmat dengan cemerlang. Maka dengan itu, hadirin dan hadirat sekalian, sebagai warga Jabatan Perdana Menteri marilah kita terus menggembeleng tenaga dan menyumbang idea, untuk menjadikan Jabatan Perdana Menteri lebih cemerlang.

6. **Tahniah juga kepada pegawai yang telah menerima Anugerah Peminjam Paling Aktif @Perpustakaan JPM dan tahniah kepada Bahagian Teknologi Maklumat di atas anugerah *Most Active Department Lending Books* @Perpustakaan JPM bagi Bulan November 2018.** Kita semua percaya bahawa membaca merupakan satu medium utama kepada penambahan ilmu pengetahuan.

**MENELURUSI KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG DICAPAI JPM BAGI TAHUN 2018**

7. **Setahun kita menelusuri tahun 2018, terdapat banyak pencapaian dan anugerah yang diterima oleh Agensi/Bahagian di bawah Jabatan Perdana**

**Menteri.** Ini membuktikan bahawa setiap usaha dan komitmen yang kita lakukan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan luar biasa. Ini merupakan pengiktirafan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dalam sistem penyampaian Kerajaan. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada warga JPM. Semoga pencapaian dan anugerah ini akan menguatkan tekad kita untuk terus menyumbang bakti dan kepakaran seterusnya memartabatkan perkhidmatan awam di Negara kita.

**8. Antara pencapaian dan anugerah yang berjaya diterima oleh Jabatan Perdana Menteri sepanjang tahun 2018 ialah:**

- **Penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Indeks Penarafan Bintang Indeks (SSR) Tahun 2017-2018;**

- Anugerah Kategori Organisasi Akrab Gemilang (Sempena Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam Tahun 2018);
- Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2017;
- Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017 (Pencapaian 5 Bintang); &
- Tempat Kedua Anugerah ASEAN Energy Efficient Building Awards 2018 (Bangunan Perdana Putra bagi Kategori *Retrofitted Building*);

9. Kejayaan-kejayaan ini diharap dapat dijadikan pemangkin kepada semua warga JPM untuk terus berusaha dengan penuh komitmen dan konsisten serta ditunjangi idea yang kreatif dan inovatif demi kelangsungan kecemerlangan JPM pada masa akan datang.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

## **DASAR RASIONALISASI & PEMBENTANGAN BAJET**

### **2019**

10. Susulan daripada inisiatif rasionalisasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan, JPM kini terdiri daripada **56 Jabatan/agensi/BBP/CLBG berbanding 95** sebelum ini. Antara jabatan/agensi baharu adalah:

- **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA),**
- **Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC),**
- **Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).**

11. Bagaimanapun, Rakyat Malaysia khususnya penjawat Awam juga amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan kerana walaupun dalam keadaan ekonomi Negara yang tidak stabil pada masa kini, kebijakan penjawat awam tidak pernah diabaikan khususnya dengan pemberian bayaran khas sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam

**dan RM250 kepada pesara Kerajaan yang telah pun diberikan** di samping beberapa insentif lain sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada penjawat awam.

**Hadirin hadirat sekalian,**

### **HALA TUJU KERAJAAN PADA MASA KINI**

12. YAB Perdana Menteri di dalam amanatnya pada Majlis Permuafakatan Perkhidmatan Awam di Langkawi, Kedah menyatakan tentang perlunya sistem Kerajaan yang tersusun dan teratur bagi mencapai kejayaan dalam melaksanakan pentadbiran. Dalam konteks ini, ianya melibatkan penyusunan semula jentera kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan mengutamakan perkhidmatan demi rakyat dan negara. Selain itu, pembersihan ahli politik dari anasir-anasir tidak baik (isu rasuah) dan memastikan institusi dan organisasi ditadbir dan terajui oleh mereka yang layak,

berkemahiran dan professional merupakan keutamaan yang perlu diberi perhatian;

**13. Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif rasionalisasi penstrukturran semula beberapa Kementerian dan agensi kerajaan di bawah kepimpinan baharu negara, didapati terdapat pertindihan fungsi antara kementerian/agensi dan bagi mengoptimumkan sumber dan menjadi lebih efektif, Kerajaan komited untuk melaksanakan pengurangan perjawatan di Kementerian dan agensi Kerajaan sebanyak 1% pada Tahun 2019;**

**Hadirin hadirat sekalian,**

### **ISU KEBOCORAN RAHSIA RASMI KERAJAAN**

**14. Untuk makluman semua, Kerajaan sedang giat dalam proses transformasi dan pembangunan untuk melonjakkan Negara kepada sebuah Negara maju. Namun usaha-usaha ini sedikit sebanyak akan**

**tergugat sekiranya berlaku kebocoran maklumat dan rahsia rasmi Kerajaan.** Kerajaan memandang serius isu kebocoran rahsia rasmi yang mana telah menjelaskan integriti dan keutuhan Kerajaan. Akibat kebocoran tersebut, Kerajaan terpaksa menghabiskan banyak sumber-sumber tenaga manusia, masa dan kewangan bagi memperbetulkan keadaan dan membaiki persepsi negatif yang timbul darinya.

**15. Sehubungan ini, pihak Kerajaan meminta kesemua penjawat awam mentaati ikrar perkhidmatan awam dan Perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk tidak membocorkan rahsia rasmi Kerajaan.** Insiden kebocoran rahsia rasmi Kerajaan sebelum sesuatu pengumuman rasmi dilakukan oleh Kerajaan boleh memberi implikasi kepada keputusan Kerajaan dan mampu mendatangkan kemudaratkan kepada keselamatan, pertahanan, kewangan dan kredibiliti Kerajaan. Mana-mana individu yang disabitkan atas kesalahan membocorkan rahsia rasmi boleh dihukum

dengan mandatori penjara tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi tujuh tahun.

**16. Pihak Kerajaan menerusi Pejabat CGSO telah mengambil langkah-langkah konstruktif bagi membendung gejala kebocoran maklumat/dokumen sulit Kerajaan dengan mengadakan program pendidikan dan kesedaran keselamatan perlindungan kepada semua pegawai awam termasuk pegawai-pegawai yang bertugas di pejabat anggota pentadbiran peringkat Persekutuan dan Negeri.**

17. Untuk tujuan ini, tidak kurang daripada 7500 taklimat/ceramah dan kursus keselamatan perlindungan telah disampaikan kepada penjawat awam sepanjang tempoh 2010-2018. Bagi tempoh yang sama, Pejabat CGSO juga telah menyelidiki sebanyak 840,000 latar belakang penjawat awam dan individu yang berurusan

dengan pihak Kerajaan melalui sistem tapisan keselamatan.

**18. Pihak CGSO juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi utama berkaitan keselamatan ICT seperti:**

- (a) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);**
- (b) *Cyber Security Malaysia (CSM)*;**
- (c) Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA);**  
**dan**
- (d) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**

**19. Kerjasama ini adalah untuk merangka dan menyediakan satu platform yang berkesan untuk menangani isu kebocoran/ ketirisan maklumat di dalam pentadbiran Kerajaan dan ancaman keselamatan dalam bentuk siber. Sekali lagi, saya menyeru kepada semua penjawat awam supaya sentiasa berpegang kepada aku janji dan Perakuan di bawah Akta Rahsia**

Rasmi 1972 yang telah ditandatangani dan rahiakanlah rahsia Kerajaan pada setiap masa.

## **PENUTUP**

**20. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas buat warga JPM yang beragama Kristian dan juga selamat bercuti kepada semua warga JPM yang akan bercuti pada hujung tahun bersama keluarga tercinta.** Berhati-hati di jalan raya, serta pandu kenderaan secara berhemah dan ingatlah orang-orang yang kita cintai di rumah mahupun kampung halaman.

21. Dalam keseronokan bercuti, suka untuk saya ingatkan tuan-tuan dan puan-puan agar melaksanakan ‘clean desk policy’ dengan memastikan perkara-perkara rasmi dan rahsia rasmi disimpan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam Arahan Keselamatan. Kita juga perlu memastikan penugasan pegawai bertugas, pengurusan sistem kawalan keselamatan, pengurusan kunci keselamatan dan

pelaksanaan peraturan berkaitan Dasar Keselamatan ICT dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan.

22. Akhir kata, sekali lagi sebagai penutup tirai tahun 2018, saya menyeru supaya kita bersama-sama menggembrelleng tenaga, usaha dan idea untuk melakar pembaharuan yang dihasratkan oleh Kerajaan baharu kearah membentuk “**Malaysia yang umpama Harimau Asia yang selama ini tidur lena, sekarang bangkit mengaum semula**”.

23. Terima kasih dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada pihak pengajur terutamanya pihak CGSO dan semua yang terlibat di atas pengajuran Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada kali ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.